

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHANG LIH KANG (TANJONG MALIM)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan status terkini Malaysian Defence and Security Technology Park di Sungkai. Berapa peruntukan dibelanjakan hingga kini dan berapa syarikat sudah mula beroperasi.

**JAWAPAN**

Kementerian Pertahanan dengan kerjasama *Malaysian Defence and Security Technology Park* (MDSTP) Sdn. Bhd telah diberi tanggungjawab melalui kelulusan Jemaah Menteri pada 23 Mei 2012, bagi membangunkan projek Pembangunan Taman Teknologi Pertahanan dan Keselamatan Malaysia (MDSTP) di atas tanah berkeluasan 1,222 ekar di Mukim Sungkai, Daerah Batang Padang, Perak.

Antara objektif projek MDSTP adalah membantu pembangunan industri pertahanan dari segi kemudahan infrastruktur, insentif kerajaan dan peluang kolaborasi dengan negara-negara ASEAN. Konsep bagi projek MDSTP dimana pihak syarikat menyewa tanah milik Kementerian Pertahanan selama 99 tahun dan segala urusan pembangunan infrastruktur dan promosi adalah di bawah tanggungan pihak syarikat.

Walau bagaimanapun, pada 27 Januari 2014, Syarikat MDSTP Sdn. Bhd. telah memohon untuk menarik diri dari projek pembangunan tersebut, disebabkan kesukaran pihak syarikat mendapatkan pemain industri pertahanan tempatan untuk membuka kilang di MDSTP, kos pembinaan infra yang tinggi dan tempoh pulangan modal yang panjang. Kebanyakan pemain industri pertahanan utama telah mempunyai kilang masing-masing dan kos pemindahan pusat operasi syarikat ke MDSTP pasti menelan belanja yang tinggi. Bagi projek MDSTP, kerajaan tidak membelanjakan sebarang peruntukan khas, kecuali bayaran premium tanah yang menjadi hak milik Kementerian Pertahanan, memandangkan konsep pelaksanaan MDSTP adalah secara penyewaan lokasi dan segala kos pembangunan adalah ditanggung oleh pihak syarikat.